

PEJABAT KETUA PENGARAH KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
50590 KUALA LUMPUR

Bil. (42) dlm. KKM-82/2/6

16 hb Januari, 1986

Semua Ketua Bahagian,
Kementerian Kesihatan.


Semua Pengarah Negeri/Yayasan.

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL.1/1986

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia - Tanggungjawab dan Tugas

... Bersama ini disertakan senarai tanggungjawab dan tugas
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia untuk makluman dan panduan.
Sekian.

Saya yang menurut perintah,


Tan Sri ~~Datuk~~ (Dr) Abdul Khalid bin Sahan
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

-/re

PEJABAT KETUA PENGARAH KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
50590 KUALA LUMPUR


Bil. (42) dlm. KKM-82/2/6

16 hb Januari, 1986

YB Menteri Kesihatan,

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia
Tanggungjawab dan Tugas

... Bersama ini disertakan senarai tanggungjawab dan tugas yang sedang dijalankan oleh saya pada masa ini untuk makluman.


~~Tan Sri Datuk (Dr) Abdul Khalid bin Sahan~~
Ketua Pengarah Kesihatan

-/re

KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Tanggungjawab dan Tugas

1. Tanggungjawab dan tugas Ketua Pengarah Kesihatan (KPK) adalah luas. Selaku Ketua perkhidmatan perubatan dan kesihatan, beliau bertanggungjawab keatas perkembangan, pembangunan dan pengurusan program-program perubatan dan kesihatan di negara ini. Beliau bertanggungjawab menentukan segala dasar kerajaan dan matlamat program dilaksanakan dengan betul, berkesan dan cekap. Beliau bertanggungjawab memberi kepimpinan dalam segala bidang perubatan dan kesihatan dan dimana perlu menasihatkan kerajaan tentang dasar atau tindakan yang perlu diambil.

Oleh kerana bidang tanggungjawab dan tugas KPK merangkumi boleh dikatakan semua aspek pengurusan program perubatan dan kesihatan, adalah sukar hendak disenaraikan satu persatu tanggungjawab dan tugas tersebut. Walau bagaimanapun, sebagai panduan kepada pegawai-pegawai, dibawah ini disenaraikan secara ringkas tugas-tugas SPECIFIC KPK. Senarai ini tidak boleh dianggap sebagai satu senarai yang lengkap kerana ada banyak lagi tugas-tugas yang jika hendak disenaraikan akan menjadikan senarai ini terlalu panjang. Tujuan senarai ini adalah untuk memberitahu pegawai-pegawai tentang tugas-tugas penting yang dijalankan oleh KPK supaya mereka dengan senang boleh mengarahkan sebarang surat, memorandum atau pertanyaan.

2. Tanggungjawab/tugas seperti yang ditetapkan oleh undang-undang

2.1. Perkara-perkara bersabit dengan latihan, pendaftaran, amalan dan tatatertib pengamal-pengamal profesyenal/teknikal

Medical Act

Dental Act

Registration of Pharmacist Ordinance

Nursing Act

Midwives Ordinance

Hospital Assistant (Registration) Act

2.2. Perkara-perkara bersabit dengan perlesenan dan permit

Dangerous Drugs Act
Human Tissues Act
Hydrogen Cyanide (Fumigation) Ordinance
Methyl Bromide (Fumigation) Ordinance
Private Hospitals Act
Poisons Ordinance
Atomic Energy Act (medical use only)

2.3. Mempengerusikan badan-badan yang ditubuhkan oleh undang-undang

Lembaga Iklan Ubat dibawah Medicines (Advertisement and Sales) Ordinance
Drug Control Authority dibawah Control of Drugs and Cosmetics Regulations
Semua Majlis dan Lembaga yang ditubuhkan dibawah undang-undang seperti di 2.1 dan 2.2 diatas.

2.4. Mengesan dan memberi nasihat tentang pelaksanaan berbagai undang-undang

Destruction of Disease Bearing Insects Act
Leprosy Enactment
Malaria Eradication Act
Mental Disorders Ordinance
Prevention of Disease Enactment FMS
Quarantine Enactment FMS
Quarantine and Prevention of Disease Enactment/Ordinance
Sales of Food and Drugs Ordinance
Vaccination Enactment FMS

3. Menggubal/meminda undang-undang

Ini dilakukan bersama dengan bahagian-bahagian yang berkenaan. KPK memberi prinsip am dan panduan. Beliau menyemak semua deraf yang disediakan dan segala dokumen-dokumen perlu seperti kortas-kertas Jumaah Menteri.

4. Mempengerusikan jawatankuasa/mesyuarat

Mesyuarat bulanan dengan Pengarah-Pengarah Bahagian
Jawatankuasa Perancang - pengerusi bersama
Jawatankuasa Penasihat HB KL/UKM
Jawatankuasa Pertukaran dan Penempatan pegawai perubatan
Jawatankuasa Memilih calon pegawai perubatan
bukan warganegara
Jawatankuasa Penasihat Radiologikal
Jawatankuasa Tetap Kemalangan, penyakit cardiovascular,
penyakit kelamin, penyelidikan perubatan
Jawatankuasa Penyelaras maklumat dan dokumentasi
Jawatankuasa Bersama Kesihatan Sekolah
Jawatankuasa Epidemiologikal Kebangsaan

5. Ahli dalam lembaga/jawatankuasa

Secara peribadi

J/K Penabangunan dan Perancangan Negara (JPPN)
J/K Khidmat Cemerlang JPA
Lembaga Penasihat Tenaga Atom
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom
Lembaga Kependudukan
Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam
Majlis Universiti, Universiti Malaya
J/K Tetap mengenai Penilaian dan Pengiktirafan
Kelayakan

Ex-officio

Lembaga Pengurus Hospital Universiti,
Universiti Malaya
Lembaga Pengurus Hospital Universiti,
Universiti Sains Malaysia

6. Menderaf atau menyemak deraf

Ucapan Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parliamen
Jawapan-jawapan di Parliamen
Kenyataan akhbar
Kertas-kertas Jumaah Menteri
Memorandum penting mengenai dasar-dasar
Kertas-kertas susulan kepada JPM dan Jumaah Menteri
Berbagai laporan termasuk Laporan Tahunan
Perutusan/Prakata
Pekeliling-pekeliiling jabatan
Penyata/laporan kepada badan antarabangsa

7. Pembangunan tenaga manusia

7.1. Perancangan

Nasihat tentang keperluan semasa, jangka panjang dan unjuran.

Nasihat tentang pengwujudan kategori kakitangan baru.

Nasihat tentang huraian kerja (job description).

7.2. Latihan

Nasihat tentang teknologi perubatan dan perkembangan program latihan.

Meluluskan kurikulum latihan.

Meluluskan program latihan basik dan post-basik.

Nasihat tentang pendidikan yang berterusan dan lanjutan.

Nasihat tentang pemilihan pendaftar dan calon-calon untuk kursus dan hadiah latihan.

Nasihat tentang kemajuan kerjaya pegawai-pegawai.

Nasihat tentang seminar dan bengkel.

Mengesan program latihan.

Perhubungan dengan program-program latihan di luar Kementerian termasuk universiti-universiti tempatan.

Mempengerusikan berbagai J/K Peperiksaan
- jururawat, bidan, jururawat kesihatan,
inspektor kesihatan, pegawai pelajaran kesihatan.

Menandatangani berbagai sijil latihan - jururawat,
penolong jururawat, bidan Bahagian I dan II,
juruteknologi makmal perubatan, penolong
teknologi makmal perubatan, penolong farmasi,
jururawat desa, pembantu perubatan.

8. Perancangan dan Pembangunan

Tanggungjawab KPK dalam perancangan dan pembangunan adalah luas. Beliau memandu, mengawas dan menyelaras penyediaan rancangan-rancangan jangka pendek dan panjang termasuk penggubalan objektif dan strategi.

KPK menasihatkan tentang kriteria-kriteria memilih projek-projek yang hendak dilaksanakan, kriteria-kriteria tentang keutamaan program-program, dan piawai-piawai fasiliti dan program.

KPK menghadiri perbincangan-perbincangan di Unit Perancang Ekonomi di JPM dan mesyuarat-mesyuarat JPPN samada sebagai ahli atau wakil Kementerian.

KPK memberi nasihat tentang pengesanan (monitoring) dan evaluation program-program.

KPK meluluskan semua pelan tata-atur dan pelan-pelan bangunan projek-projek Kementerian Kesihatan.

9. Perkara bersabit personnel

Nasihat tentang sekim perkhidmatan

Nasihat tentang perkara-perkara kesatuan sekerja

Nasihat tentang pengwujudan jawatan-jawatan kanan/
tingkatan tertinggi

Nasihat tentang pengagihan jawatan

Pengisian jawatan-jawatan pakar, jawatan-jawatan
kanan dan tingkatan tertinggi

Penempatan pegawai-pegawai pakar, pegawai-pegawai kanan dan tingkatan tertinggi
Laporan sulit untuk semua pengarah, timbalan pengarah dan pakar-pakar kanan
Perlantikan pegawai-pegawai perubatan Seksyen 13(3)
Meluluskan permohonan cuti bagi semua pengarah Ahli J/K Naikpangkat Kementerian Kesihatan
Ahli Lembaga Tatatertib Kementerian Kesihatan
Menyemak perakuan penganugerahan bintang-bintang
Meluluskan permohonan melawat seberang laut
Meluluskan semua tuntutan dibuat oleh pengarah-pengarah di Kementerian Kesihatan.

10. Perkara-perkara bersabit dengan kewangan

Nasihat tentang anggaran belanjawan mengurus dan pembangunan
Nasihat tentang pengurusan kewangan
Ahli Lembaga Tawaran Kementerian Kesihatan.

11. Tugas-tugas penyelarasan

Dalam banyak perkara, strategi dan aktiviti berbagai bahagian dan program perlu diselaraskan. Ini bertujuan menentukan semua strategi tidak bercanggah, aktiviti-aktiviti tidak bertindih dan perkara penting tidak tertinggal. KPK mempunyai tanggungjawab besar menyelaraskan strategi dan aktiviti berbagai bahagian dan program.

12. Tanggungjawab dan tugas Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (TKPK)

Dalam pembahagian tugas, TKPK telah diperuntukkan tanggungjawab dan tugas yang tertentu. Oleh yang demikian, senarai ini hendaklah dibaca bersama dengan senarai tanggungjawab dan tugas TKPK yang merupakan juga tanggungjawab dan tugas mutlak KPK yang telah diturunkan (delegated) kepada TKPK.

13. Perkara-perkara Antarabangsa

KPK mengambil bahagian dalam atau memberi nasihat tentang perkara-perkara antarabangsa dan kegiatan badan-badan antarabangsa seperti WHO, ASEAN, Asian Development Bank, World Bank, UNICEF, ILO, FAO, UNDP, Commonwealth Secretariat, Colombo Plan dan SEAMEO-TROPMED.

KPK menghadiri mesyuarat-mesyuarat resmi seperti World Health Assembly di Geneva dan Regional Committee Meeting of WHO bagi Rantau Western Pacific.

14. Lain-lain tanggungjawab dan tugas

Meluluskan penerbitan rencana-rencana yang ditulis oleh pegawai-pegawai.

Meluluskan rawatan seberang laut untuk pegawai-pegawai kerajaan.

Melantik pegawai-pegawai pakar - Perintah Am 27, Bab F.

* * * *

14 Januari, 1986.

KS/re

PEJABAT KETUA PENGARAH KESIHATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
50590 KUALA LUMPUR

Bil. (41) dlm. KKM-82/2/6

15 hb Januari, 1986

Semua Pengarah Bahagian,

Susulan Kepada Arahan-arahan Atau Perkara-
perkara yang Dirujuk Kepada Pengarah-Pengarah

Seringkali saya meminta Pengarah-Pengarah mengambil tindakan atau merujuk beberapa perkara untuk dikaji atau disiasat. Arahan-arahan tersebut diberi secara lisan melalui catitan keatas surat yang diterima atau melalui surat resmi. Apa yang saya perhatikan adalah susulan kepada arahan-arahan ini tidak begitu memuaskan. Ada yang tidak dijawab, ada yang lambat dijawab, ada hanya dijawab selepas diingatkan dan ada pula surat-surat kepada KPK yang dirujuk kepada Bahagian-Bahagian yang tertentu yang tidak diberi sebarang "holding reply" dan penghantar surat-surat tersebut terpaksa menghantar satu lagi peringatan kepada KPK.

2. Mulai dari tarikh surat ini semua Pengarah Bahagian adalah diminta melaporkan kepada saya setiap tindakan yang telah diambil samada secara lisan ataupun bertulis tentang arahan-arahan yang telah diberi atau perkara-perkara yang telah dirujuk kepada Bahagian-Bahagian tanpa diingatkan. Saya berharap mendapat kerjasama dari tuan mengenai perkara ini.


Tan Sri Datuk (Dr) Abdul Khalid bin Sahan
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

PEJABAT KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
50590 KUALA LUMPUR

Bil. (55) dlm. KKM-82/2/6


25 hb Jun, 1986

Semua Pengarah Bahagian,

Tindakan Keatas Surat-surat Yang Dialamatkan
Kepada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Surat-surat yang biasa dialamatkan kepada saya biasanya bersabit dengan perkara-perkara yang penting, kompleks atau sensitif, samada dari agensi-agensi pusat, jabatan-jabatan lain atau orang persaorangan. Ada kalanya surat-surat tersebut saya minitkan kepada Pengarah-Pengarah Bahagian yang berkenaan. Saya perhatikan Pengarah-Pengarah Bahagian masih lewat mengambil tindakan keatas surat-surat tersebut atau gagal mengakui penerimaan surat-surat itu bagi pihak saya, dan saya terus menerima peringatan dari penghantar surat. Kepada pihak luar ini mungkin mencerminkan bahawa pejabat ini telah lewat menjawab atau mengambil tindakan atau dianggap sebagai tidak cekap. Padahal surat-surat tersebut telah dirujuk kepada Bahagian-Bahagian berkenaan.

2. Dengan ini tuan adalah diminta mengambil tindakan segera keatas semua surat-surat yang diminitkan kepada tuan dan jika jawapan akan mengambil masa, maka surat-surat tersebut hendaklah diakui penerimaan dengan segera.


Tan Sri Datuk (Dr) Abdul Khalid bin Sahan
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

s.k: Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan.